1. Mata Bonus yang diperolehi dalam suku tahunan kalendar tertentu adalah sah sehingga tiga (3) tahun kalendar dan akan luput pada hari pertama suku tahun kalendar berikutnya. Contohnya, Mata Bonus yang diperolehi antara 1 Januari 2017 dan 31 Mac 2017 akan luput menjelang 1 April 2020.

2. Melainkan digunakan sebelum itu, Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul mesti ditebus sebelum tarikh luput. Semua Mata Bonus yang tidak digunakan atau tidak ditebus akan dilucut hak secara automatik selepas tarikh luput terpakai. Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime tidak boleh membawa ke hadapan sebarang mata yang tidak digunakan yang diperolehi dan / atau mata dikumpul apabila Mata Bonus luput. Sebarang permintaan oleh Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime untuk menggunakan mata yang tidak digunakan selepas tarikh luput tidak akan dilayan oleh CIMB dan CIMB tidak akan mengembalikan semula mata yang telah luput atau dilucut hak.

3. Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul akan dilucut hak dan CIMB tidak mempunyai kewajipan untuk mengembalikan mata jika kad debit dibatalkan dan pelanggan tidak lagi menjadi Pelanggan CIMB Preferred atau CIMB Prime (*mengikut mana yang berkenaan*). Mata Bonus yang diperolehi tidak akan dilucut hak jika Pelanggan kekal sebagai Pemegang Kad Debit, Pelanggan CIMB Preferred atau Pelanggan CIMB Prime.

4. CIMB boleh mengubah tempoh kesahan Mata Bonus CIMB Prime notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar sebarang perubahan sedemikian. Jika ia berlaku, Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime akan diberi tempoh tangguh untuk menggunakan atau menebus Mata Bonus. Perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis sedemikian.

5. Status Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul boleh dilihat dalam talian oleh Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime di www.cimbclicks.com.my atau disahkan dengan menelefon Pusat Panggilan Pengguna CIMB di:
   Pusat Panggilan CIMB Preferred @ 1 300 885 300 atau +603-2295 6888

6. Mata Bonus yang diperolehi tidak mempunyai sebarang nilai tunai atau kewangan dan tidak boleh ditukar kepada tunai. Mata Bonus terakru tidak boleh ditukar kepada tunai melainkan dinyatakan secara nyata sebaliknya.

**Seksyen 3**

**Katalog Ganjaran Ahli untuk:**

**Pelanggan CIMB@Work**

**(A) Kriteria Kelayakan**

1. Semua Pelanggan CIMB@Work yang memperolehi Mata Bonus layak menebus Mata Bonus mereka daripada Katalog Ganjaran Ahli.

2. Bagi melayakkan untuk memperolehi Mata Bonus, Pelanggan CIMB@Work mesti mempunyai kad debit yang membolehkan titik jualan (“POS”) sah yang dikeluarkan oleh CIMB dan kelayakan beliau untuk menikmati atau menggunakan ciri, manfaat dan ganjaran

CIMB@Work tidak ditamatkan menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB@Work untuk perkerja.

3. Pelanggan CIMB@Work tidak akan layak untuk memperolehi sebarang Mata Bonus jika terdapat:

(a) Sebarang pemberhentian pengkreditan gaji bulanan ke dalam akaun semasa atau/dan akaun simpanan beliau masing-masing yang dikekalkan dengan CIMB; atau

(b) Peletakan jawatan, penamatan atau pemberhentian pekerjaan daripada majikan semasa yang melanggani Pakej Gaji dan Penyelesaian Perbankan CIMB@Work; atau

(c) Majikan semasa Pelanggan CIMB@Work menarik diri daripada Pakej Gaji dan Penyelesaian Perbankan CIMB@Work; atau

(d) Sebarang keadaan lain yang disenaraikan di bawah bahagian 'Penamatan dan Penggantungan' di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB@Work untuk pekerja.

**(B) Mata Bonus yang Diperolehi**

1. Pelanggan CIMB@Work akan layak untuk memperolehi Mata Bonus seperti yang berikut:

**(a) Dengan pendaftaran produk baru**

(i) Mata Bonus akan diperuntukkan berdasarkan jumlah pendaftaran produk baru bulanan seperti yang berikut:

| Jumlah pendaftaran produk baru bulanan | Mata Bonus diperoleh |
|---|---|
| 1 | 1,000 |
| 2 | 3,000 |
| 3 dan ke atas | 5,000 |

(ii) Kategori produk terpakai untuk pendaftaran produk baru bulanan adalah kad kredit, deposit tetap/ deposit bertempoh, Skim Persaraan Peribadi, Pinjaman Peribadi Cash Plus, Akaun Pelaburan e-Emas, Pembiayaan ASB, Unit Amanah, Produk Berstruktur, Bon Runcit, Insurans Hayat /Takaful Keluarga, Pembiayaan Kediaman, dan Sewa Beli/-i yang dikeluarkan atau diedarkan oleh CIMB.

(iii) Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pembaharuan kad kredit(s) dan penempatan deposit tetap/ deposit bertempoh(s), dan/atau pelaburan/pelaburan semula dalam pegangan product terpakai Pelanggan CIMb@Work yang sedia ada tidak akan dianggap sebagai pendaftaran produk baru bulanan dan tiada Mata Bonus akan dianugerahkan.

(iv) Mata Bonus untuk pendaftaran produk baru bulanan akan dianugerahkan berdasarkan setiap kategori produk yang didaftarkan untuk bulan kalendar, tanpa mengira bilangan akaun yang didaftarkan untuk kategori produk tersebut.

(v) Untuk mengelakkan keraguan, Mata Bonus yang diperolehi dari pendaftaran produk baru bulanan akan dikreditkan pada bulan berikutnya setelah pendaftaran produk baru.

(vi) Pelanggan CIMB@Work yang mendaftar untuk Pinjaman Peribadi Cash Plus dan/atau Pembiayaan ASB akan diberikan 5,000 Mata Bonus tambahan selepas pelepasan dana.

**(b) Dengan penggunaan produk:**

(i) 500 Mata Bonus akan diperuntukkan kepada Pelanggan CIMB@Work setelah 'swipe' atau transaksi Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) dan ke atas yang pertama pada setiap kad debit baru; dan/atau

(ii) 100 Mata Bonus akan diperuntukkan kepada Pelanggan CIMB@Work untuk perbelanjaan atau transaksi terkumpul berjumlah minimum Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300) yang pertama pada kad debit CIMB; dan/atau

(iii) 100 Mata Bonus akan diperuntukkan kepada setiap pembayaran bil berjadual yang ditetapkan di CIMB Clicks oleh Pelanggan CIMB@Work; dan/atau

(iv) 1,000 Mata Bonus akan diperuntukkan kepada setiap transaksi pengiriman wang yang dilakukan oleh Pelanggan CIMB@Work.

2. CIMB boleh dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB@Work:

(a) Menentukan, mengubah, meminda, menggantung atau menarik balik senarai barangan, produk dan/atau perkhidmatan penyertaan atau mana-mana bahagian daripadanya; dan/atau

(b) Menentukan, mengubah, meminda bilangan Mata Bonus yang akan dianugerahkan berkaitan dengan mana-mana barangan, produk dan/ atau perkhidmatan penyertaan yang didaftarkan digunakan oleh Pelanggan CIMB@Work.

3. Mata Bonus hanya akan dikira dan dianugerahkan kepada Pelanggan CIMB@Work jika Pelanggan CIMB@Work adalah pemegang akaun utama/ pemohon utama produk penyertaan di mana produk adalah di bawah nama bersama.

4. Mata Bonus hanya akan dianugerahkan kepada Pelanggan CIMB@Work berkaitan dengan pendaftaran produk serta penggunaan produk berkuat kuasa dari 1 April 2013. Katalog Ganjaran Ahli tidak terpakai kepada Pelanggan CIMB@Work yang menggunakan atau mendaftar untuk produk baru sebelum 1 April 2013.

**(C) Kesahan**

1. Mata Bonus yang diperolehi dalam suku tahunan kalendar tertentu adalah sah sehingga tiga (3) tahun kalendar dan akan luput pada hari pertama suku tahun kalendar berikutnya. Contohnya, Mata Bonus yang diperolehi antara 1 Januari 2017 dan 31 Mac 2017 akan luput menjelang 1 April 2020.

2. Melainkan digunakan sebelum itu, Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul mesti ditebus sebelum tarikh luput. Semua Mata Bonus yang tidak digunakan atau tidak ditebus akan dilucut hak secara automatik selepas tarikh luput terpakai. Pelanggan CIMB@Work tidak boleh membawa ke hadapan sebarang mata yang tidak digunakan yang diperolehi dan/atau mata dikumpul apabila Mata Bonus luput. Sebarang permohonan oleh Pelanggan CIMB@Work untuk menggunakan mata yang tidak digunakan selepas tarikh luput tidak akan dilayan oleh CIMB dan CIMB tidak akan mengembalikan semula mata yang telah luput atau dilucut hak.

3. Meskipun peruntukan Seksyen 3(C)(1) di atas, Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul akan dilucut hak dan CIMB tidak mempunyai kewajipan untuk mengembalikan semula mata jika kad debit dibatalkan dan Pelanggan CIMB@Work berhenti menjadi Pelanggan CIMB@Work. Mata Bonus yang diperolehi tidak akan dilucut hak jika Pelanggan CIMB@Work masih menjadi sama ada Pemegang Kad Debit atau sebagai Pelanggan CIMB@Work.

4. CIMB merizabkan hak mereka untuk mengubah tempoh kesahan Mata Bonus dan akan memberikan kepada Pelanggan CIMB@Work notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar sebarang perubahan. Jika ia berlaku, Pelanggan CIMB@Work akan diberikan tempoh tangguh untuk menggunakan atau menebus Mata Bonus. Perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis sedemikian.

5. Status Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul boleh dilihat dalam talian oleh Pelanggan CIMB@Work di www.cimbclicks.com.my atau boleh disahkan dengan menelefon Pusat Panggilan Pengguna CIMB di +603-6204 7788.

6. Mata Bonus yang diperolehi tidak mempunyai sebarang nilai tunai atau kewangan dan tidak boleh ditukar kepada tunai. Mata Bonus terakru tidak boleh ditukar kepada tunai melainkan dinyatakan secara nyata sebaliknya.

**Terma-Terma dan Syarat-Syarat Program Ganjaran Ahli**

Program Ganjaran Ahli adalah program ganjaran (selepas ini dirujuk sebagai "**Program**") yang direka oleh CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] dan CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**CIMB**") untuk Pemegang Kad, Pelanggan CIMB Preferred, Pelanggan CIMB Prime dan Pelanggan CIMB@Work (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Pelanggan**") untuk membolehkan Pelanggan menebus mata bonus mereka melalui:-

**Bahagian A: Katalog Ganjaran Ahli; dan**

**Bahagian B: Bayar dengan mata bonus.**

2. DEFINISI

1.1 "Bank Pemeroleh" merujuk kepada bank atau institusi kewangan yang memproses pembayaran kad kredit atau debit bagi pihak peniaga.

1.3 "Program airasia rewards" ertinya program kesetiaan dan ganjaran berdasarkan mata peringkat global yang dimiliki, dikendalikan dan ditadbir oleh BIGLIFE.

1.5 "airasia points" ertinya Mata airasia di bawah Program airasia rewards.

1.6 "Transaksi pengebilan automatik" ertinya kemudahan pembayaran yang secara automatik mengenakan pembayaran bil Pemegang Kad seperti tetapi tidak terhad kepada utiliti dan/atau insurans/takaful ke kad Pemegang Kad apabila dan bila pembayaran kena dibayar. Transaksi pengebilan automatik ditandai dengan petunjuk pembayaran berulang yang diberikan kepada peniaga oleh Bank Pemeroleh

1.5 "BIGLIFE" ertinya BIGLIFE Sdn Bhd dan atau pemegang hak miliknya.

1.6 "Mata Bonus" ertinya:-

(d) mata yang dianugerahkan kepada Pemegang Kad untuk transaksi perbelanjaan runcit yang dikenakan pada kad kredit/-i dan kad debit/-i;

(e) mata yang dianugerahkan kepada Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime untuk transaksi dan aktiviti terpilih CIMB menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Preferred dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Prime, masing-masing; dan

(f) mata yang dianugerahkan kepada Pelanggan CIMB@Work untuk pendaftaran produk baru bulanan serta penggunaan produk.

1.7 "Hari Perniagaan" ertinya hari (yang bukan Sabtu atau Ahad) apabila bank, yang berlesen untuk menjalankan perniagaan perbankan di bawah peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013/ Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.

1.8 "Pemegang Kad" ertinya Pemegang Kad Kredit dan Pemegang Kad Debit.

1.9 "Transaksi Kad-Pada-Fail" ertinya transaksi di mana Pemegang Kad memberi kuasa kepada peniaga untuk menyimpan butiran kad Pemegang Kad dan memberi kuasa kepada peniaga yang sama untuk mengenakan akaun kad Pemegang Kad.

1.10 "CIMB" ertinya CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic Bank.

1.11 "Pelanggan CIMB Preferred" ertinya sesiapa yang dikategorikan oleh CIMB sebagai seseorang dan layak memperolehi Mata Bonus menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Preferred yang boleh dibaca di www.cimbpreferred.com.my.

1.12 "Pelanggan CIMB Prime" ertinya sesiapa yang dikategorikan oleh CIMB sebagai seseorang dan layak memperolehi Mata Bonus menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Prime yang boleh dibaca di www.cimb.com.my.

1.13 "Pelanggan CIMB@Work" ertinya seseorang individu yang telah memenuhi syarat kelayakan CIMB@Work dan yang telah diterima oleh CIMB sebagai seorang Pelanggan CIMB@Work menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB@Work untuk Pekerja yang boleh dibaca di www.cimb.com.my.

1.14 “Transaksi tanpa sentuhan” ertinya transaksi di mana Pemegang Kad membayar barangan dan perkhidmatan dengan menyentuh atau melayangkan kad di pembaca / terminal POS tanpa sentuhan yang berdasarkan pada mod kemasukan POS 07.

1.15 “Pemegang Kad Kredit” ertinya sesiapa yang dikeluarkan dengan kad kredit/-i dan kad kredit/-i tambahan oleh CIMB.

1.16 “Pelanggan” ertinya Pemegang Kad, Pelanggan CIMB Preferred, Pelanggan CIMB Prime dan/atau Pelanggan CIMB@Work.

1.17 “Pemegang Kad Debit” ertinya sesiapa yang dikeluarkan dengan kad debit/-i oleh CIMB, melainkan CIMB PETRONAS Debit Mastercard.

1.18 “Akaun Ditetapkan” ertinya akaun yang dipilih oleh Pemegang Kad Debit untuk menjalankan transaksi debit dengan menggunakan kad debit oleh CIMB.

1.19 “Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC)” ertinya perkhidmatan yang ditawarkan oleh peniaga luar negara tertentu untuk memberi pilihan supaya membayar dalam Ringgit Malaysia (RM) (termasuk pembelian dalam talian) bagi pembelian luar negara.

1.20 “eDay” ertinya 28hb setiap bulan, contohnya 28hb Mei, 28hb Jun, dan lain-lain.

1.21 “Enrich Points” ertinya Enrich Points di bawah Program *“Loyalty and Frequent Flyers”* Malaysia Airlines.

1.22 “Akaun Enrich Points” ertinya akaun yang diwujudkan oleh Malaysia Airlines untuk Pelanggan yang berjaya mendaftar dalam Program Enrich untuk membolehkan Malaysia Airlines mengkreditkan Enrich Points yang dipindah daripada Mata Bonus.

1.23 “Hadiah” ertinya ganjaran yang disediakan di bawah Program yang termasuk baucar barangan, barang niaga, runcit, jamu selera, beli-belah dan buku (dirujuk secara kolektif sebagai “Baucar”), produk, perkhidmatan, pakej pelancongan, fi tahunan, pulangan tunai, cukai perkhidmatan dan/ atau sebarang ganjaran lain dalam Program ini.

1.24 “Malaysia Airlines” ertinya Malaysia Airlines Berhad, atau pemegang hak miliknya.

1.25 “Akaun airasia Ahli” ertinya akaun yang diwujudkan oleh BIGLIFE untuk Pemegang Kad Kredit yang berjaya mendaftar diri dalam Program airasia rewards untuk membolehkan BIGLIFE untuk mengkreditkan airasia points yang diperolehi oleh Pemegang Kad Kredit dan/atau ditukar dan dipindah daripada Mata Bonus.

1.26 “Peniaga” adalah individu, firma atau syarikat yang terlibat dalam perniagaan menjual dan menyediakan Hadiah yang dipaparkan dalam Program ini.

1.27 “Kod Kategori Peniaga (MCC)” adalah kod empat angka yang diberikan kepada Peniaga oleh Bank Pemeroleh apabila peniaga menerima kad sebagai kaedah pembayaran. Kod tersebut mengklasifikasikan jenis barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh Peniaga.

1.28 “Kad Kredit Merchant” ertinya kad kredit Platinum Visa atau Mastercard CIMB yang dikeluarkan oleh CIMB yang termasuk logo atau nama Peniaga Strategik dan/atau cap dagang lain yang dicetak di atasnya sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB.

1.29 “Penerangan peniaga” adalah nama atau penerangan yang diberikan oleh Bank Pemeroleh untuk membezakan peniaga.

1.30 “Transaksi dalam talian” ertinya transaksi yang dilakukan melalui internet di mana Peniaga adalah peniaga e-dagang/dalam talian/internet berdasarkan mod kemasukan POS 01(Visa) atau 81 (Mastercard), termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi Kad-Pada-Fail (mod kemasukan POS 10).

1.31 “Terminal Titik Jualan” atau “POS terminal” merujuk kepada peranti yang digunakan untuk memproses pembayaran oleh peniaga di mana-mana lokasi runcit.

1.32 “Ganjaran Pemindahan Mata/Miles” ertinya (i) pemindahan dan penebusan Mata Bonus dan/atau BIG Points, (ii) penebusan dan penukaran “partners’ miles”/mata dari program kesetiaan yang berkaitan dari Program “Points Transfer Partners”

1.33 Program “Points Transfer Partners” merujuk kepada program kesetiaan yang terdapat dalam program ini untuk pemegang kad kredit menebus dan menukar Mata Bonus mereka kepada “partners’ miles/mata dari program program kesetiaan yang berkaitan.

1.34 “Mod kemasukan POS” adalah kod dua angka yang diberikan kepada peniaga oleh Bank Pemeroleh apabila peniaga menerima kad sebagai kaedah pembayaran. Kod tersebut mengklasifikasikan jenis transaksi yang disediakan oleh peniaga.

1.35 “Peniaga Strategik” ertinya peniaga dan/atau organisasi yang bekerjasam dengan CIMB.

**3. KELAYAKAN, MATA BONUS YANG DIPEROLEHI DAN KESAHAN MATA BONUS**

2.1 Kriteria kelayakan, Mata Bonus yang diperolehi dan kesahan Mata Bonus untuk setiap Pelanggan ditetapkan dalam **Jadual** di sini.

**Bahagian A – KATALOG GANJARAN AHLI**

**4. KATALOG GANJARAN AHLI**

3.1 Katalog Ganjaran Ahli mempunyai dua kategori ganjaran:-

(c) Ganjaran Bukan Pemindahan Mata/Miles merujuk kepada semua Hadiah selain Ganjaran Pemindahan Mata/Miles; dan

(d) Ganjaran Pemindahan Mata yang merujuk kepada penebusan dan penukaran Mata Bonus kepada Enrich Points dan/atau penebusan atau penukaran Mata Bonus kepada airasia points dan/atau kepada “partners’ miles”/mata dari program kesetiaan yang berkaitan dari “Program Points Transfer Partners”.

3.1.2 Pemintaan penebusan bagi Mata Bonus mesti dihantar melalui mana-mana satu kaedah berikut:-

(d) Pemegang Kad Kredit:

-  dalam talian di https://rewards.cimbbank.com.my
-  hubungi Pusat Panggilan Pengguna CIMB @ +603 6204 7788
-  dalam talian di www.cimbclicks.com.my (kecuali permintaan untuk penebusan dan penukaran Mata Bonus kepada airasia points dan partner’s miles/mata di bawah Program “Points Transfer Partners”, offset yuran tahunan kad kredit, cukai perkhidmatan dan pulangan tunai untuk tolakan baki penyata kad kredit).

(e) Pemegang Kad Debit, Pelanggan CIMB@Work dan Pelanggan CIMB Prime:

-  dalam talian di www.cimbclicks.com.my
-  hubungi Pusat Panggilan Pengguna CIMB @ +603 6204 7788.

(f) Pelanggan CIMB Preferred:

-  dalam talian di www.cimbclicks.com.my
-  hubungi Pusat Panggilan Preferred CIMB @ 1 300 885 300 atau +603 2295 6888

Bukti penghantaran pemintaan penebusan bukan bukti penerimaan. Pelanggan mesti memastikan bahawa CIMB telah mengakui bahawa permohonan penebusan mereka telah diterima oleh CIMB dan sedang diproses.

3.1.3 Semua pemintaan berkenaan Mata Bonus termasuk permohonan untuk:-

(d) menebus Mata Bonus untuk tolakan fi tahunan;

(e) menebus Mata Bonus untuk pulangan tunai bagi tolakan baki akaun; dan

(f) menebus Mata Bonus untuk tolakan Cukai Perkhidmatan,

adalah tertakluk kepada akaun Pelanggan yang sah dan dalam keadaan baik iaitu tidak ditutup, digantung atau ditamatkan oleh CIMB, tidak tertunggak dalam pembayaran dan tidak dibatalkan atau digantung atau ditamatkan oleh CIMB dan/atau Pelanggan masih Pemegang Kad, Pelanggan CIMB Preferred atau Pelanggan CIMB Prime atau Pelanggan CIMB@Work yang sah pada masa permohonan penebusan dilakukan.

**3.2 PENEBUSAN MATA BONUS BUKAN GANJARAN PEMINDAHAN MATA/MILES**

3.2.1 Semua Hadiah yang dipaparkan dalam Katalog Ganjaran Ahli adalah tertakluk kepada yang berikut:-

(f) Ketersediaan Hadiah (melainkan fi tahunan, pulangan tunai, dan penebusan cukai perkhidmatan);

(g) Mata Bonus sedia ada Pelanggan;

(h) Status CIMB Preferred sah, status CIMB Prime sah, status CIMB@Work sah atau status kad kredit dan kad debit dan Akaun Ditetapkan sah Pelanggan;

(i) Penerimaan muktamad oleh CIMB; dan

(j) Sebarang sekatan yang mungkin dikenakan tentang tempat, masa dan kuantiti Hadiah yang boleh ditebus.

3.2.2 Pemegang Kad Debit dan/atau Pelanggan CIMB Preferred dan/atau Pelanggan CIMB Prime dan/atau Pelanggan CIMB@Work yang mempunyai kad debit CIMB tidak lagi diperlukan untuk memindahkan Mata Bonus yang diperolehi dalam akaun kad debit CIMB mereka ke akaun kad kredit CIMB mereka (atau sebaliknya) kerana ianya akan diagregatkan secara automatik pada peringkat pelanggan.

3.2.3 Permohonan oleh Pelanggan untuk sebarang perubahan atau pembatalan penebusan, yang telah diterima oleh CIMB tidak akan dilayan.

3.2.4 Semua barangan yang dipaparkan dalam Katalog Ganjaran Ahli mungkin berbeza daripada produk sebenar dari segi warna atau butiran reka bentuk dan Pelanggan akan menerima produk dengan percanggahan ini.

3.2.5 Semua Hadiah dalam Katalog Ganjaran Ahli boleh didapati pada dasar selagi stok masih ada dan CIMB boleh menggantikannya dengan sebarang item yang mempunyai nilai kewangan yang setara. CIMB juga boleh menyingkirkan, menghentikan dan/atau menggantikan semua atau mana-mana Hadiah pada bila-bila masa tanpa notis terdahulu.

3.2.6 CIMB tidak mempunyai obligasi untuk menggantikan sebarang produk yang defektif, hilang, rosak atau dicuri. Produk yang diterima dalam keadaan yang baik tidak boleh sama sekali dikembalikan dan ditukar. Jika produk adalah defektif atau rosak atau terdapat tuntutan jaminan dilakukan, Pelanggan hendaklah menghubungi pihak yang nombornya dinyatakan pada kad jaminan secara langsung. CIMB tidak akan melibatkan diri dalam tuntutan jaminan.

3.2.7 CIMB hanya mengambil arahan penebusan/pembelian bagi produk daripada Pelanggan dan menghantarnya kepada pembekal/Peniaga untuk pemenuhan. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada produk yang ditebus/dibeli. Pembekal/Peniaga hendaklah bertanggungjawab secara tunggal terhadap semua kewajipan dan tanggungan (termasuk jaminan), yang berkaitan dengan pembekalan produk dan semua caj sampingan.

3.2.8 Semua Baucar yang ditebus di bawah Katalog Ganjaran Ahli adalah sah bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh penghantaran baucar. CIMB tidak akan melanjutkan kesahan mana-mana Baucar dalam apa-apa keadaan.

3.2.9 Bagi penebusan pulangan tunai menerusi https://rewards.cimbbank.com.my, pulangan tunai adalah untuk tolakan baki akaun kad kredit Pemegang Kad Kredit, manakala penebusan pulangan tunai menerusi www.cimbclicks.com.my akan dikreditkan kepada akaun simpanan atau akaun semasa Pelanggan dengan CIMB.

**3.3 PENEBUSAN GANJARAN PEMINDAHAN MATA/MILES**

(c) **Penukaran Mata Bonus kepada Enrich Points**

3.3.1 Pelanggan boleh menukar 10,000 Mata Bonus untuk 1,000 Enrich Points tetapi mereka mesti berada dalam gandaan 10,000 Mata Bonus.

(d) **Syarat-syarat lain berkenaan dengan penukaran Mata Bonus kepada Enrich Points**

3.3.2 Hanya Pelanggan yang telah mendaftar dalam Program *"Loyalty and Frequent Flyers"* Malaysia Airlines (selepas ini dirujuk sebagai "Program Enrich") layak untuk menebus Mata Bonus bagi Enrich Points dengan meminta penukaran melalui mana-mana kaedah yang dinyatakan di bawah Klausa 3.2.1.

3.3.3 Pelanggan yang ingin menjadi ahli Enrich mesti mendaftar dengan Malaysia Airlines dengan melengkapkan Borang Permohonan Keahlian Enrich di mana-mana pejabat Malaysia Airlines atau mendaftar dalam talian di laman web korporat Malaysia Airlines.

3.3.4 Penukaran dan pemindahan Mata Bonus kepada Enrich Points akan mengambil masa kira-kira empat belas (14) Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan permohonan penukaran CIMB. Mata Bonus yang ditukar kepada Enrich Points tidak boleh diterbalikkan.

3.3.5 Enrich Points yang terhasil daripada penukaran Mata Bonus akan dikreditkan ke dalam akaun Enrich Points Pelanggan oleh Malaysia Airlines.

3.3.6 Pelanggan bertanggungjawab menyemak akaun Enrich Points mereka sendiri dengan Malaysia Airlines untuk memastikan Enrich Points yang terhasil daripada penukaran Mata Bonus telah dikreditkan ke dalam akaun Enrich Points mereka.

3.3.7 CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan jika: (i) terdapat sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penebusan dan/atau pertukaran Mata Bonus kepada Enrich Points oleh Pelanggan, (ii) Malaysia Airlines enggan membenarkan Pelanggan menggunakan Enrich Points mereka yang ditukar, diperolehi atau dikumpul atau untuk penamatan Program Enrich atau sebaliknya walau bagaimanapun jua; melainkan mereka terhasil daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

3.3.8 Tiada representasi atau waranti diberi oleh CIMB ke atas Program Enrich. Sebarang pertikaian melibatkan Enrich Points yang ditukar atau diperolehi oleh Pelanggan mesti diselesaikan di antara Pelanggan dan Malaysia Airlines dan CIMB tidak akan terlibat.

3.3.9 CIMB boleh pada bila-bila masa menukar kadar penukaran Mata Bonus kepada Enrich Points dengan memberikan kepada Pelanggan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar.

3.3.10 Pelanggan yang menebus dan menukar dan/atau memindahkan Mata Bonus kepada Enrich Points mesti mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Program Enrich, yang berasingan dan berbeza daripada terma-terma dan syarat-syarat ini. Sila rujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat penuh untuk mengawal Program Enrich di laman web Malaysia Airlines.

3.3.11 Pelanggan bersetuju bahawa CIMB boleh menggunakan dan/atau mendedahkan butir-butir mereka (termasuk maklumat yang diberikan untuk permohonan atau penyerahan penebusan) kepada Malaysia Airlines bagi tujuan penebusan Mata Bonus dan/atau penukaran mereka kepada Enrich Points.

**(f) Penukaran Mata Bonus kepada airasia points (hanya terpakai kepada Pemegang Kad Kredit)**

3.3.12 Pemegang Kad Kredit yang berjaya mendaftar diri dalam Program airasia rewards boleh menebus dan menukar Mata Bonus kepada airasia points melalui mana-mana satu kaedah yang dinyatakan di bawah Klausa 3.2.1 (a).

3.3.13 Pemegang Kad Kredit yang ingin mendaftar diri dalam Program airasia rewards mesti berbuat sedemikian pada laman web airasia di https://www.airasia.com/rewards

3.3.14 Pemegang Kad Kredit boleh menukar 8,000 Mata Bonus untuk 1,000 airasia points tetapi mereka mesti berada dalam gandaan 8,000 Mata Bonus. Penukaran Mata Bonus kepada airasia points dan pemindahan kepada Akaun airasia Ahli akan mengambil masa kira-kira empat belas (14) Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan CIMB permohonan penebusan daripada Pemegang Kad Kredit atau sebarang tempoh lain yang dianggap sesuai oleh BIGLIFE.

3.3.15 Mata Bonus yang ditukar kepada airasia points tidak boleh diterbalikkan.

3.3.16 CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad Kredit jika:

(d) terdapat sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penebusan dan/atau pertukaran Mata Bonus kepada airasia points oleh Pemegang Kad Kredit; dan/atau

(e) BIGLIFE enggan membenarkan Pemegang Kad Kredit menggunakan airasia points mereka yang ditukar, diperolehi atau dikumpul atau untuk penamatan Program airasia rewards atau sebaliknya walau bagaimanapun jua; melainkan mereka terhasil daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB; dan/atau

(f) Pemegang Kad Kredit didapati bersalah melakukan apa-apa amalan dan/atau aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang berbahaya kepada BIGLIFE.

3.3.17 Tiada representasi atau waranti diberi oleh CIMB ke atas Program airasia rewards. Semua pertikaian melibatkan airasia points yang ditukar atau diperolehi oleh Pemegang Kad Kredit mesti diselesaikan di antara Pemegang Kad Kredit dan BIGLIFE dan CIMB tidak akan terlibat.

3.3.18 CIMB boleh pada bila-bila masa mengubah kadar penukaran Mata Bonus kepada airasia points dengan memberikan kepada Pemegang Kad Kredit notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar.

3.3.19 Pemegang Kad Kredit bersetuju bahawa CIMB boleh menggunakan dan/atau mendedahkan butir-butir mereka (termasuk maklumat yang diberikan dalam permohonan atau penyerahan penebusan) kepada BIGLIFE bagi tujuan penebusan Mata Bonus dan/atau menukar mereka kepada airasia points.

3.3.20 Pemegang Kad Kredit yang menebus dan/atau menukar dan/atau memindahkan Mata Bonus kepada airasia points mesti mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Program airasia Rewards, yang berasingan dan berbeza daripada terma-terma dan syarat-syarat ini. Sila rujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat penuh untuk mengawal Program airasia rewards di laman web airasia.

3.3.21 Penggunaan airasia points adalah tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat Keahlian airasia, tersedia di laman web .

**(g) Penukaran Mata Bonus kepada "partner's miles"/mata dalam Program "Points Transfer Partners"**

3.3.22 Pemegang Kad Kredit yang telah mendaftar di mana-mana program kesetiaan yang berkaitan boleh menebus dan menukar Mata Bonus mereka ke "partner's miles"/mata dari Program "Points Transfer Partners" menggunakan mana-mana kaedah yang dinyatakan di Klausa 3.1.2 (a).

3.3.23 Nombor keahlian program kesetiaan dan nama pemegang Kad Kredit utama yang diberikan kepada CIMB semasa meminta untuk menebus dan menukar Mata Bonus kepada "partner's miles"/mata dari Program "Points Transfer Partners" mesti sepadan dengan yang ada dalam

fail program kesetiaan yang berkaitan. Sebarang perbezaan antara butir-butir yang diberikan kepada CIMB dan maklumat yang terdapat dalam program kesetiaan yang berkaitan boleh menyebabkan kelewatan dan/atau mencegah penebusan dan penukaran Mata Bonus.

3.3.24 Mata Bonus yang ditebus dan ditukar kepada “partner’s miles”/mata dari Program “Points Transfer Partners” tidak boleh diterbalikkan.

3.3.25 Pemegang Kad Kredit adalah bertanggungjawab untuk memeriksa akaun keahlian mereka sendiri dengan program kesetiaan yang berkaitan untuk memastikan “partner’s miles”/mata yang timbul dari penebusan dan penukaran Mata Bonus telah dikreditkan ke akaun keahlian mereka.

3.3.26 CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan jika: (i) terdapat sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penebusan dan/atau penukaran Mata Bonus kepada “partner’s miles”/mata dari Program “Points Transfer Partners”, (ii) program kesetiaan yang berkaitan di Program “Points Transfer Partners” enggan membenarkan Pelanggan menggunakan “partner’s miles”/mata mereka yang ditebus atau dikumpul atau untuk penamatan program kesetiaan atau sebaliknya walau bagaimanapun jua; melainkan mereka terhasil daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

3.3.27 Tiada representasi atau waranti diberi oleh CIMB ke atas “partner’s miles”/mata yang ditebus dari Program “Points Transfer Partners”. Semua pertanyaan dan pertikaian melibatkan “partner’s miles”/mata yang ditebus oleh Pemegang Kad Kredit dan akaun keahlian Pemegang Kad Kredit dengan program kesetiaan yang berkaitan mesti diselesaikan di antara Pemegang Kad Kredit dan program kesetiaan yang berkaitan dan/atau pengendali program kesetiaan yang berkaitan, dan CIMB tidak akan terlibat.

3.3.28 Pemegang Kad Kredit yang menebus dan/atau menukar Mata Bonus kepada “partners’ miles”/mata mesti mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal dengan program kesetiaan yang berkaitan, yang berasingan dan berbeza daripada terma-terma dan syarat-syarat ini. Sila rujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat penuh untuk mengawal dan program kesetiaan yang berkaitan di laman web mereka.

3.3.29 Pelanggan bersetuju bahawa CIMB boleh menggunakan dan/atau mendedahkan butir-butir mereka (termasuk maklumat yang diberikan untuk penebusan Mata Bonus) kepada KALIGO EXCHANGE PTE LTD (201702525N – didaftarkan di Singapura) and TRI E MARKETING SDN BHD (825150M) dan pekerja mereka dan ejen yang mentadbir Program “Points Transfer Partners” ; program kesetiaan yang berkaitan dan/atau pengendali program kesetiaan yang berkaitan untuk memudahkan penebusan dan penukaran Mata Bonus kepada “partner’s miles”/mata dari Program “Points Transfer Partners”.

3.3.30 Pemegang Kad Kredit mesti menebus sekurang-kurangnya 1000 “partner’s miles”/mata dan dalam gandaan 1000 “partner’s miles”/mata dari Program “Points Transfer Partners”.

3.3.31 CIMB pada bila-bila masa boleh mengubah kadar penukaran Mata Bonus untuk “partners’ miles”/mata dari Program “Points Transfer Partners” dengan memberikan notis sebelumnya kepada Pemegang Kad Kredit dua puluh satu (21) hari kalendar.

3.3.32 Sekiranya mana-mana progam kesetiaan yang berkaitan di bawah Program “Points Transfer Partners” dibatalkan, ditangguhkan atau diubah dengan cara apa pun yang memudaratkan CIMB atau Pemegang Kad Kredit, Pemegang Kad Kredit akan menanggung kerugian yang ditanggung pada kiriman “partner’s miles”/mata Pemegang Kad Kredit yang ditukarkan dari Mata Bonus. CIMB tidak akan dapat membantu Pemegang Kad Kredit untuk mendapatkan kembali wang atau kredit berhubung dengan kiriman “partners’ miles”/mata yang belum ditebus atau tidak digunakan.

### 3.4 PENGHANTARAN

3.4.1 Penghantaran Hadiah (tidak termasuk "partners' miles"/mata, rebat tunai, yuran tahunan dan pengecualian cukai perkhidmatan) akan dilakukan ke alamat pengebilan Pelanggan, atau alamat yang diberikan oleh Pelanggan dalam permohonan penebusannya.

3.4.2 Penghantaran Hadiah tidak akan dilakukan ke mana-mana yang berikut:- alamat Peti Surat, alamat Zon Perdagangan Bebas, alamat yang tiada perkhidmatan penyedia perkhidmatan kurier, alamat di luar Malaysia atau cawangan CIMB.

3.4.3 Hadiah akan dihantar kepada Pelanggan dalam empat belas (14) Hari Perniagaan selepas penerimaan CIMB permohonan penebusan lengkap Pelanggan.

3.4.4 Penerima Hadiah mesti mengemukakan dokumen pengenalan kepada kakitangan penghantaran; jika tidak, kakitangan penghantaran berhak untuk enggan menghantar dan akan memulangkan Hadiah kepada CIMB ditetapkan sebagai "tidak dituntut".

3.4.5 Penerimaan penghantaran Hadiah dan kepuasan terhadap keadaan fizikalnya mesti diakui secara bertulis oleh mana-mana penghuni/penerima di alamat penghantaran dan jika alamat penghantaran adalah alamat pejabat, oleh mana-mana ahli/penerima di pejabat. Pengakuan sedemikian akan dianggap sebagai pengakuan oleh Pelanggan dan CIMB tidak akan menanggung tanggungjawab selepas itu.

3.4.6 Semua barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan akan diliputi oleh pengeluar atau pembekal di bawah terma-terma perniagaan lazim mereka. Melainkan undang-undang memperuntukkan sebaliknya, CIMB tidak akan bertanggungjawab atas kualiti atau kesesuaian barangan atau perkhidmatan atau atas sebarang kelewatan dalam penghantaran.

3.4.7 Bagi penghantaran semula ke alamat penghantaran atas permohonan Pelanggan, Pelanggan bersetuju untuk dikenakan caj perkhidmatan RM10.00 setiap barangan dan memberi kuasa kepada CIMB untuk mendebit caj perkhidmatan ini dari akaun kad debit atau kad kredit Pelanggan atau mana-mana akaun CIMB lain yang dipegang dengan CIMB.

3.4.8 Penghantaran penebusan e-baucar akan dilakukan melalui alamat e-mel yang diberikan oleh Pemegang Kad Kredit dalam permintaan penebusan melalui Klausa 3.1.2 (a) kecuali penebusan melalui Clicks. Penghantaran e-baucar yang ditebus melalui Clicks atau panggilan ke Pusat Pangginal Pengguna tanpa kad kredit akan dilakukan melalui surat ke alamat yang diberikan oleh Pelanggan dalam permintaan penebusan.

### 3.5 SYARAT-SYARAT LAIN BERKENAAN DENGAN KATALOG GANJARAN AHLI

3.5.1 Hadiah yang ditawarkan di bawah Katalog Ganjaran Ahli yang diterbitkan setiap tahun hanya sah untuk tempoh seperti yang dinyatakan dalam Katalog Ganjaran Ahli atau tempoh lanjutan yang lain seperti yang dimaklumkan oleh CIMB. Pelanggan dinasihatkan agar log masuk ke laman web CIMB di https://rewards.cimbbank.com.my untuk melihat Katalog Ganjaran Ahli semasa Hadiah terkini yang mungkin ditambah dari semasa ke semasa dalam tempoh ini oleh CIMB untuk penebusan Pelanggan.

3.5.2 Pelanggan tidak dibenarkan memungut Hadiah dari mana-mana cawangan CIMB.

3.5.3 Semua Hadiah yang ditebus hendaklah dihantarkan kepada Pelanggan di alamat mereka yang ditetapkan dalam Klausa 3.4.1 atau 3.4.8.

3.5.4 Jika Hadiah dikembalikan tanpa dihantar kepada CIMB disebabkan tidak ada orang di alamat untuk mengakui penerimaan Hadiah, CIMB boleh (tetapi tidak wajib untuk) menghantar semula atau menyerah semula Hadiah yang disebut di atas kepada Pelanggan dengan syarat kos yang ditanggung untuk menghantar semula Hadiah tersebut hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

3.5.5 Jika CIMB cuba menghantar semula Hadiah dan Hadiah sekali lagi dikembalikan tanpa dihantar, CIMB tidak akan membuat cuba untuk menghantar Hadiah tersebut semula lagi selepas percubaan penghantaran kedua yang gagal.

3.5.6 Jika Pelanggan tidak memberikan kepada CIMB alamat yang sah untuk menerima penghantaran Hadiah dalam masa tiga puluh (30) Hari Perniagaan dari tarikh Hadiah dikembalikan tanpa dihantar kepada CIMB, Hadiah dan Mata Bonus yang digunakan untuk menebus Hadiah tersebut akan dianggap dilucut hak dan CIMB tidak mempunyai kewajipan untuk mengembalikan Mata Bonus sedemikian kepada Pelanggan.

3.5.7 Sebarang aksesori/alatan/peralatan yang dipaparkan bersama-sama dengan Hadiah dalam apa-apa gambar hanyalah bagi tujuan hiasan dan tidak termasuk sekali.

**Bahagian B – BAYAR DENGAN MATA BONUS**

4. **BAYAR DENGAN MATA BONUS**

4.1 Pemegang Kad utama boleh menggunakan Mata Bonus terkumpul untuk menebus sebarang Hadiah dengan mana-mana peniaga penyertaan setiap hari sehingga pukul 10 malam melainkan ditetapkan sebaliknya oleh peniaga penyertaan.

4.2 Kadar penukaran adalah 400 Mata Bonus = Ringgit Malaysia (RM) 1.00 dan Bank boleh mengubah kadar penukaran pada- bila-bila masa dengan memberikan kepada Pemegang Kad utama notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar.

4.3 Jumlah mata minimum yang boleh ditebus adalah 400 Mata Bonus atau RM1.00 atau gandaan daripadanya.

4.4 Hadiah boleh ditebus sepenuhnya dengan menggunakan Mata Bonus atau sebahagiannya dengan menggunakan Mata Bonus dan baki dibayar dalam RM melalui kad kredit atau kad debit. Pembayaran nilai baki melalui kad kredit atau kad debit memperolehi Mata Bonus tetapi penebusan Hadiah menggunakan mata tidak memperolehi Mata Bonus.

4.5 Transaksi penebusan dan pembelian mestilah ditentusahkan oleh Pemegang Kad utama dengan menandatangan di atas slip kad kredit atau kad debit atau sebarang slip lain yang disediakan oleh Peniaga.

4.6 Untuk senarai lengkap peniaga penyertaan terpilih, sila rujuk kepada https://www.cimb.com.my/memberrewards.

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM**

6. **SYARAT-SYARAT LAIN BERKENAAN DENGAN PROGRAM**

5.1 Mata Bonus tidak boleh dipindahkan kepada atau ditebuskan bagi manfaat mana-mana pihak ketiga. CIMB tidak akan melayan sebarang permohonan untuk memindahkan atau menggabungkan Mata Bonus yang diperolehi di antara individu yang berbeza.

5.2 Mata Bonus, yang telah digunakan untuk menebus mana-mana Hadiah dan Ganjaran Pemindahan Mata/Miles akan dianggap digunakan.

5.3 Mata Bonus yang diperolehi tidak mempunyai sebarang nilai tunai atau kewangan dan tidak boleh ditukar kepada tunai.

5.4 Hadiah yang ditebus tidak boleh dikembalikan atau ditukar.

5.5 Pelanggan mengaku dan bersetuju bahawa **tidak** ada "Tempoh Percubaan" untuk Hadiah yang ditebus.

5.6 Pelanggan memberikan kebenaran dan memberi kuasa kepada CIMB untuk menggunakan dan/atau mendedahkan butir-butir Pelanggan kepada pihak ketiga, termasuk Peniaga/pembekal dan penyedia kurier penyertaan, bagi tujuan Program. Pendedahan hendaklah terhad kepada nama, alamat, nombor telefon dan alamat emel Pelanggan bagi tujuan Program.Klausa ini adalah tanpa menjejaskan persetujuan dan kebenaran untuk pendedahan di bawah Klausa 3.3.31 berkaitan dengan Program "Points Transfer Partners".

5.7 CIMB tidak bertanggungjawab untuk sebarang kecederaan fizikal, kematian, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan, gantirugi atau rasa malu yang dialami oleh Pelanggan atau mana-mana pihak lain, daripada apa jua sifat akibat daripada penebusan Hadiah, Ganjaran Pemindahan Mata/Miles, pembelian atau penggunaan sama ada produk atau perkhimatan yang ditawarkan di bawah Program.

5.8 CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada liabiliti cukai Pelanggan yang terhasil daripada penggunaan Mata Bonus dan/atau penebusan Hadiah. Pelanggan bertanggungjawab membayar liabiliti cukai ini. Sebarang cukai atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa/pertubuhan/pembekal perkhidmatan mengenai penggunaan Mata Bonus atau penebusan Hadiah juga hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

5.9 Apa-apa pertikaian tentang Hadiah yang diterima di bawah Program hendaklah diselesaikan secara langsung antara Pelanggan dan pembekal/Peniaga tanpa bantuan CIMB dan CIMB tidak akan terlibat.

5.10 Baucar yang ditebus tidak boleh ditunai atau digunakan dengan kupon diskaun dan kad keistimewaan lain. Baucar ini mesti digunakan sebelum tarikh luput yang dicetak pada mereka dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung seperti yang ditentukan oleh Peniaga. Jika Baucar tidak digunakan sebelum tarikh luput, mereka tidak akan berguna lagi. Baucar yang sudah tamat tempoh tidak akan diganti dan CIMB juga tidak akan menggantikan Baucar yang hilang atau dicuri.

5.11 Terma-terma dan syarat-syarat penggunaan Baucar ditentukan secara tunggal oleh Peniaga. Sebarang pertikaian yang timbul di bawah terma-terma dan syarat-syarat Baucar mestilah diselesaikan secara langsung di antara Pelanggan dan pembekal/Peniaga tanpa bantuan CIMB dan CIMB tidak akan terlibat. CIMB tidak akan membatalkan penebusan Baucar yang terhasil daripada sebarang pertikaian sedemikian.

5.12 Jika Baucar adalah dalam bentuk Baucar tunai, Pelanggan boleh menggunakan kad debit atau kad kredit untuk membayar perbezaan kepada Peniaga jika nilai pembelian melebihi nilai tunai Baucar. Bahagian nilai tidak diguanakan Baucar tunai tidak akan dikembalikan.

5.13 Pengeluaran baucar makanan dan minuman tidak bererti ia datang dengan tempahan dengan Peniaga berkenaan. Pelanggan perlu membuat tempahan mereka sendiri dengan Peniaga dan memaklumkan kepada Peniaga baucar yang akan ditebuskan oleh mereka. Peniaga boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat lanjutan terhadap baucar makanan dan minuman yang perlu dipatuhi oleh Pelanggan.

5.14 Penggunaan Baucar Hadiah adalah terhad kepada outlet penyertaan yang disenaraikan dalam Baucar atau Katalog Ganjaran Ahli.

5.15 CIMB tidak akan menggantikan atau membantu Pelanggan dengan meletakkan status tahan atau beku pada mana-mana produk dan/atau perkhidmatan dan/atau Baucar yang tersalah letak, hilang atau dicuri yang telah dihantar kepada Pelanggan melainkan yang sama telah hilang oleh CIMB atau perkhidmatan kurier mereka atau jika kerugian disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

5.16 Hadiah dan/atau Ganjaran Pemindahan Mata/Miles yang ditebus tidak boleh ditukar dengan mana-mana produk dan/atau perkhidmatan lain, tidak boleh dikembalikan wang, tidak boleh digantikan dan tidak boleh ditukar kepada tunai atau kredit dalam apa jua keadaan.

5.17 Penipuan yang disyaki atau sebenar dan/atau penyalahgunaan yang disyaki atau sebenar berkaitan dengan pengumpulan Mata Bonus dalam Program, atau penebusan Hadiah dan Ganjaran Pemindahan Mata/Miles boleh menyebabkan Mata Bonus terkumpul dilucutkan serta pembatalan penyertaan Pelanggan dalam Program.

5.18 Dengan menyertai Program, Pelanggan bersetuju untuk terikat oleh terma-terma dan syarat-syarat ini dan bersetuju bahawa sebarang ketidakpastian berkenaan dengan kelayakan Pelanggan untuk Program termasuk penentuan Mata Bonus yang diperolehi atau dikumpul dan kelayakkan untuk menebus Hadiah dan/atau Ganjaran Pemindahan Mata/Miles akan ditentukan secara tunggal oleh CIMB yang mana keputusan hendaklah muktamad dan konklusif, melainkan terdapat kesilapan nyata.

5.19 CIMB secara nyata mengecualikan semua representasi, jaminan atau pengindorsan, nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan tentang kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian Hadiah untuk sesuatu tujuan tertentu.

5.20 CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan Program dan/atau penentuan kelayakan dan/atau hak Pelanggan kepada Mata Bonus melainkan mereka terhasil daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

5.21 CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian, kerosakan walau apa pun yang timbul daripada atau berkaitan dengan Program melainkan mereka timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

5.22 Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi dan tidak mempertanggungjawabkan CIMB terhadap sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga dan terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan (termasuk fi dan kos peguamcara) yang dialami oleh CIMB berhubung dengan Program, melainkan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

5.23 Pelanggan mesti menyemak transaksi Mata Bonus yang ditetapkan dalam penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/Prime Consolidated bulanan yang dihantar melalui emel atau pos kepada Pelanggan dan/atau disediakan dalam talian melalui CIMB Clicks. Sebarang kesilapan apa jua berkaitan dengan Mata Bonus yang dikira dan/atau dianugerahkan oleh CIMB mesti dimaklumkan kepada CIMB secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penyata diposkan dalam talian dan/atau tarikh penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/Prime Consolidated bulanan, jika tidak semua catatan dalam penyata yang disediakan dalam talian dan/atau yang terkandung dalam penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/ Prime Consolidated hendaklah dianggap sebagai muktamad, konklusif dan mengikat terhadap Pelanggan.

5.24 Pelanggan mesti memastikan mereka mempunyai Mata Bonus yang mencukupi daripada penyata terkini sebelum mereka membuat sebarang permohonan penebusan. Jika permohonan penebusan dibuat dan Pelanggan tidak mempunyai Mata Bonus yang mencukupi atau borang permohonan penebusan tidak lengkap dan tidak dapat diproses, permohonan penebusan hendaklah dibatalkan oleh CIMB.

5.25 Kegagalan CIMB untuk menguatkuasakan sebarang terma-terma dan syarat-syarat ini bukan merupakan penepian hak CIMB.

5.26 CIMB boleh, dengan memberikan notis bertulis terdahulu kepada Pelanggan, menyerah hak dan/atau memindahkan hak, manfaat dan/atau kewajipannya di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini, dengan syarat penyerahhakkan dan/atau pemindahan sedemikian tidak secara material dan teruk menjejaskan hak Pelanggan di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini.

5.27 Terma-terma dan syarat-syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang timbul daripada mereka akan didengar oleh Mahkamah Malaysia.

5.28 Jika Pelanggan mempunyai sebarang aduan berkenaan dengan Program, Pelanggan boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB di alamat, nombor telefon dan alamat emel berikut (atau alamat, nombor telefon dan alamat emel lain yang dimaklumkan oleh CIMB kepada Pelanggan): CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan / Tel: 603 6204 7788 / alamat e-mel: cru@cimb.com.

## 7. NOTIS

6.1 Melainkan dinyatakan secara nyata sebaliknya dalam terma-terma dan syarat-syarat ini, CIMB boleh memberi notis dan mengeluarkan komunikasi:-

(g) Melalui pos berdaftar Pengesahan Terima (A.R.) ke alamat terakhir Pelanggan dalam rekod CIMB; atau

(h) Melalui pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan dalam rekod CIMB; atau

(i) Melalui e-mel atau bentuk komunikasi serta-merta lain (termasuk SMS, Clicks Messenger, Whatsapp) ke nombor hubungan, nombor mudah alih atau alamat e-mel Pelanggan yang terakhir diketahui dalam rekod CIMB; atau

(j) Dengan memaparkannya di premis CIMB, termasuk di premis cawangannya; atau

(k) Dengan memaparkannya di atas skrin apabila mengakses laman web CIMB, seperti

- www.cimb.com.my;
- www.cimbclicks.com.my;
- www.cimbpreferred.com.my; atau

(l) Melalui mana-mana cara lain yang dianggap wajar oleh CIMB.

6.2 Semua notis dan komunikasi yang dihantar oleh CIMB kepada Pelanggan, hendaklah, melainkan dinyatakan sebaliknya di sini atau dalam notis atau dalam komunikasi tersebut, dianggap diterima dan berkuat kuasa, seperti berikut:-

(e) Jika melalui pos berdaftar A.R; apabila menerima kad A.R yang ditandatangani sewajarnya;

(f) Jika melalui pos biasa, tujuh (7) hari kalendar selepas tarikh pengeposan;

(g) Jika melalui e-mel atau komunikasi serta-merta lain (termasuk SMS, Clicks Messenger, Whatsapp), apabila dihantar; dan

(h) Jika melalui paparan (sama ada di premis CIMB atau di laman web CIMB) apabila paparan sedemikian dilakukan.

## 8. VARIASI PERATURAN

7.1 CIMB boleh menggantung atau membatalkan Program ini dengan memberikan kepada Pelanggan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar. Penggantungan atau pembatalan tidak melayakkan mana-mana Pelanggan membuat sebarang tuntutan atau tuntutan.

7.2 CIMB boleh mengubah (sama ada dengan memodifikasi, menambah, memadamkan, atau sebaliknya meminda) ("Pindaan") mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini dengan memberikan kepada Pelanggan sekurang-kurangnya notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan berkuat kuasa. Notis Pindaan boleh diberikan dalam mana-mana cara yang dinyatakan dalam Klausa 6.1. Pindaan akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh CIMB dalam pemberitahuan.

7.3 Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kad Debit CIMB, Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kad Kredit CIMB, Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Preferred, Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Prime, dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB@Work untuk Pekerja yang terpakai kepada Pelanggan. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara terma-terma dan syarat-syarat ini dan terma-terma dan syarat-syarat ini lain yang dinyatakan di atas, terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi yang lain setakat mana mereka berkaitan dengan Program tetapi bukan sebaliknya.

**JADUAL**

**KRITERIA KELAYAKAN, MATA BONUS YANG DIPEROLEHI DAN KESAHAN**

**Seksyen 1**

**Katalog Ganjaran Ahli untuk:**

**(a) Pemegang Kad Kredit; dan**

**(b) Pemegang Kad Debit**

**Bayar dengan Mata Bonus untuk:**

**(e) Pemegang Kad Kredit**
**(f) Pemegang Kad Debit**

**(A) Kriteria Kelayakan**

1. Hanya Pemegang Kad **utama** dibenarkan menebus Mata Bonus mereka daripada Katalog Ganjaran Ahli.

2. Pemegang Kad Kredit dengan akaun kad kredit yang dibatalkan atau digantung atau tertunggak atau melebihi had tidak layak melakukan sebarang penebusan. Semua akaun kad kredit hendaklah dalam keadaan baik sebelum sebarang Hadiah dan Ganjaran Pemindahan Mata/Miles dilepaskan dan CIMB boleh menolak sebarang penebusan atau pelepasan barang yang ditebus jika mana-mana akaun kad kredit tertunggak/melebihi had/dibatalkan/digantung.

3. Pemegang Kad Debit dengan Akaun Ditetapkan dipautkan dengan kad debit hendaklah sah dan dalam kedudukan baik dan tidak terlebih keluar (jika Pemegang Kad Debit mempunyai kemudahan overdraf). Jika CIMB berpendapat bahawa mana-mana akaun Pemegang Kad Debit telah dibuka secara penipuan CIMB boleh enggan membenarkan sebarang penebusan Mata Bonus.

4. Penebusan Mata Bonus yang telah dikumpul dalam kedua-dua akaun kad kredit Pemegang Kad utama dan akaun kad kredit Pemegang Kad tambahan atau dalam Akaun Ditetapkan yang dipautkan dengan kad debit, hanya boleh dibuat oleh Pemegang Kad utama.

**(B) Mata Bonus Yang Diperolehi**

1. Mata Bonus yang dianugerahkan kepada Pemegang Kad berdasarkan jumlah transaksi perbelanjaan runcit dalam jumlah Ringgit Malaysia (RM) (di dalam dan di luar Malaysia) yang dikenakan pada kad kredit dan kad debit Pemegang Kad yang dicerminkan dalam penyata akaun kad kredit dan kad debit Pemegang Kad masing-masing.

**1.2** Untuk kad kredit Platinum/ Platinum-i /Visa SIGNATURE/Preferred Visa INFINITE/Visa INFINITE/Visa INFINITE-i/Kad Kredit Merchant/ Kad Debit/ World Mastercard, setiap:

(g) perbelanjaan RM1.00 (di dalam dan di luar Malaysia) yang dikenakan pada kad kredit (Platinum/ Platinum-i) Pemegang Kad Kredit dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi satu (1) Mata Bonus;

(h) perbelanjaan RM1.00 yang dikenakan pada kad kredit (Visa SIGNATURE, Preferred Visa INFINITE) Pemegang Kad Kredit dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi satu (1)

Mata Bonus untuk perbelanjaan dalam mata wang Ringgit Malaysia (melainkan transaksi DCC) dan dua (2) Mata Bonus untuk perbelanjaan dalam mata wang lain daripada Ringgit Malaysia (RM) atau transaksi DCC;

(i) RM1.00 yang dikenakan pada kad kredit (Visa INFINITE dan Visa INFINITE-i) Pemegang Kad Kredit dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi lima (5) Mata Bonus untuk perbelanjaan dalam mata wang lain daripada Ringgit Malaysia (RM) atau transaksi DCC, lima (5) Mata Bonus untuk perbelanjaan makanan dan minuman di bawah MCC yang ditetapkan 0743, 0744, 5811, 5812, 5813, 5814, 5921 ("MCC Ditetapkan") dan satu (1) Mata Bonus untuk perbelanjaan yang tidak terjatuh di bawah MCC Ditetapkan;

(j) Penggandaan Mata Bonus yang dianugerahkan untuk penggunaan kad kredit dengan Kad Kredit Merchant adalah berdasarkan pada terma-terma Perjanjian Peniaga yang dipersetujui antara CIMB dan Peniaga Strategic yang akan dinyatakan dalam borang permohonan kad atau dimaklumkan kepada Pemegang Kad;

(k) Setiap RM4.00 yang dikenakan pada kad debit Pemegang Kad Debit dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi satu (1) Mata Bonus; dan

(l) perbelanjaan RM 1.00 yang dikenakan pada kad kredit (World Mastercard) Pemegang Kad Kredit dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi lima (5) Mata Bonus untuk perbelanjaan penerbangan di bawah MCC yang ditetapkan 3000 – 3350 dan 4511 ("MCC Ditetapkan") dan satu (1) Mata Bonus untuk perbelanjaan yang tidak termasuk di bawah MCC Ditetapkan.

1.2. Untuk Kad Kredit CIMB e, setiap: -

(c) RM1.00 dibelanjakan untuk transaksi dalam talian (mod kemasukan POS 01 dan 10), penambahan e-dompet (di bawah MCC 4814, 4784, 4789, 5541, 5542, 5968, 6012, 6540, 7372) dengan peniaga e-dompet terpilih, iaitu GrabPay (Penerangan peniaga 'GRABPAY'), Touch'n Go eWallet (Penerangan peniaga 'TNG WALLET'), Boost (Penerangan peniaga 'BOOST'), BigPay (Penerangan peniaga 'BIGPAY') dan Setel (Penerangan peniaga 'SETEL'), transaksi tanpa sentuhan (mod kemasukan POS 07), dan transaksi pengebilan automatik yang dikenakan pada kad kredit (e-Kad Kredit) Pemegang Kad Kredit dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi tiga (3) Mata Bonus setiap hari (melainkan eDay); dua belas (12) Mata Bonus pada eDay. ;

(d) RM1.00 dibelanjakan untuk semua kategori lain yang tidak termasuk dalam 1.2 (a) atau (c) yang dikenakan pada kad kredit (e-Kad Kredit) Pemegang Kad Kredit dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi satu (1) Mata Bonus.

(e) Untuk mengelakkan keraguan, transaksi berikut dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai transaksi perbelanjaan runcit yang layak untuk tujuan mendapatkan Mata Bonus di bawah e-Kad Kredit:

4) Perbelanjaan penerbangan di bawah kod MCC 3000 - 3350 dan 4511.
5) Transaksi insurans di bawah kod MCC 5960, 6300.
6) Sebarang perbelanjaan yang dibuat dilakukan di United Kingdom, atau di negara ini yang merupakan anggota Komuniti Ekonomi Eropah European Economic Community (EEC) atau Kesatuan Eropah European Union (EU) termasuk Austria, Belgium, Bulgaria, Croatia, Cyprus, Republik Czech, Denmark, Estonia, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Hungary, Ireland, Itali, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Malta, Belanda, Poland, Portugal, Romania, Slovakia, Slovenia, Sepanyol, Sweden, Iceland, Liechtenstein dan Norway.

(f) Jumlah Mata Bonus maksimum yang diberikan di bawah e-Kad Kredit adalah 20,000 Mata Bonus bagi setiap Pemegang Kad, setiap kitaran penyata.

1.3 Untuk Kad Kredit CIMB Preferred Visa Infinite-i (“Kad PVI-i"), setiap: -

(d) RM1.00 yang dikenakan pada Kad PVI-i dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi satu (1) Mata Bonus untuk perbelanjaan dalam mata wang Ringgit Malaysia (kecuali transaksi DCC) dan dua (2) Mata Bonus untuk perbelanjaan dalam mata wang lain daripada Ringgit Malaysia (RM) atau transaksi DCC (“Mata Bonus Asas”). Mata Bonus Asas akan dikreditkan ke dalam akaun Kad PVI-i dalam kitaran penyata yang sama.

(e) Pemegang Kad PVI-i yang memenuhi syarat – syarat berikut: -

(iii) mengekalkan suatu Deposit dan/atau Pelaburan jumlah agregat minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus dan Lima Puluh Ribu (RM250,000) pada setiap masa atau jumlah lain sebagaimana yang CIMB boleh tentukan dari semasa ke semasa yang didepositkan dalam mana-mana akaun deposit CIMB dan/atau melabur dalam mana-mana produk pelaburan CIMB di bawah akaun tunggal atau bersama Pemegang Kad Utama di mana Pemegang Kad Utama adalah pemegang akaun utama; dan

(iv) melakukan Transaksi-transaksi Layak di bawah “Perbelanjaan Kategori Layak” berikut: -
   a. “Menjamu Selera” merujuk kepada transaksi runcit dengan Kod Kategori Pedagang (MCC) 0743, 0744, 5811, 5812, 5813, 5814, 5921.
   b. “Luar Negara” merujuk kepada transaksi perbelanjaan runcit yang dibuat dalam mata wang selain dari Ringgit Malaysia (RM) atau merupakan transaksi Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC).
   c. “Zakat & Amal Jariah” merujuk kepada transaksi runcit dengan MCC 8393, 8661, 8398.

akan memperolehi tambahan tujuh (7) Mata Bonus bagi setiap Ringgit Malaysia Satu (RM1) perbelanjaan Menjamu Selera dan Zakat & Amal Jariah dan tambahan enam (6) Mata Bonus bagi setiap Ringgit Malaysia Satu (RM1)

perbelanjaan Luar Negara yang dicajkan kepada Kad Kredit CIMB PVI-i milik Pemegang Kad dan akan dicerminkan dalam penyata semasa Tempoh Pemenuhan ("Mata Bonus Tambahan").

(f) Untuk Perbelanjaan Kategori Layak yang dilakukan antara 16 Dis 2021 hingga 31 Dis 2021, Mata Bonus Tambahan akan dikreditkan ke dalam akaun Kad PVI-i sebelum 1 April 2022.

Seterusnya, Mata Bonus Tambahan akan dikreditkan ke dalam akaun Kad PVI-i dalam tempoh dua belas (12) minggu dari hari pertama bulan seterusnya selepas setiap suku yang layak seperti yang ditetapkan dalam jadual di bawah:

| Perbelanjaan Kategori Layak semasa Suku Yang Layak | Fulfilment Period |
|---|---|
| Januari - Mac | Dalam tempoh 12 minggu dari 1 April |
| April – Jun | Dalam tempoh 12 minggu dari 1 Julai |
| Julai – September | Dalam tempoh 12 minggu dari 1 Oktober |
| Oktober – Disember | Dalam tempoh 12 minggu dari 1 Januari (tahun berikutnya) |

Kadar Mata Bonus ini boleh diubah oleh CIMB dengan memberikan kepada Pemegang Kad Kredit notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar.

1.4 Untuk Kad Kredit CIMB Travel World Elite, CIMB Travel World dan CIMB Platinum ("Kad Travel"), setiap RM1.00 yang dibelanjakan pada Kad Travel dan tertera dalam penyata akan memperolehi Mata Bonus berdasarkan pada "Perbelanjaan Kategori Layak" seperti yang ditetapkan dalam jadual di bawah:

| Perbelanjaan Kategori Layak | CIMB Travel World Elite | CIMB Travel World | CIMB Travel Platinum |
|---|---|---|---|
| Luar negara | Sepuluh (10) Mata Bonus | Lapan (8) Mata Bonus | Lima (5) Mata Bonus |
| Perbelanjaan penerbangan | | | |
| Bebas Cukai | | | |
| OctoTravel | | | |
| Tempatan lain | Dua (2) Mata Bonus | Dua (2) Mata Bonus | Dua (2) Mata Bonus |

Seperti Jadual di atas:

(xi) "Luar Negara" merujuk kepada transaksi perbelanjaan yang dibuat dalam mata wang selain dari Ringgit Malaysia (RM) atau merupakan transaksi Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC) termasuk pembelian dalam talian;

(xii) "Perbelanjaan Penerbangan" merujuk kepada transaksi perbelanjaan di bawah kod MCC3000 sehingga 3350 dan 4511;

(xiii) "Bebas Cukai" merujuk kepada transaksi perbelanjaan di bawah kod MCC 5309;

(xiv) "OctoTravel" merujuk kepada transaksi perbelanjaan di laman web OctoTravel atau/dan aplikasi mudah alih sahaja dan di bawah MCC 4722; dan

(xv) "Tempatan lain" merujuk kepada semua transaksi perbelanjaan tempatan yang lain termasuk pembelian dalam talian kecuali transaksi "Luar Negara", "Perbelanjaan Penerbangan", "Duty Free" dan "OctoTravel".

3. CIMB boleh melucuthakkan sebarang Mata Bonus yang diperolehi jika mana-mana akaun kad kredit adalah tertungguk/ dibatalkan/ digantung/ ditamatkan.

4. Mata Bonus yang diperolehi oleh Pemegang Kad Kredit untuk penyata bulan semasa akan dibundarkan ke bawah ke Mata Bonus terdekat. Jika mana-mana transaksi dipertikaikan atau didakwa sebagai penipuan, Mata Bonus yang diperolehi atas transaksi sedemikian boleh dibalikkan atau dibatalkan oleh CIMB.

4. Mata Bonus yang diperolehi oleh Pemegang Kad Kredit untuk penyata bulan semasa tidak akan dianugerahkan kepada Pemegang Kad Kredit jika Pemegang Kad Kredit gagal membuat pembayaran minimum yang kena dibayar menjelang tarikh matang pembayaran seperti yang dinyatakan dalam penyata bulan sebelumnya Pemegang Kad Kredit.

5. Transaksi perbelanjaan runcit hendaklah bererti transaksi pembelian untuk barangan dan perkhidmatan termasuk pembelian dalam talian untuk barangan dan perkhidmatan yang ditanggung untuk penggunaan peribadi dan bukan bagi tujuan perniagaan dan tidak akan termasuk transaksi perjudian atau pertaruhan. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi berikut juga tidak akan dianggap sebagai transaksi perbelanjaan runcit layak bagi tujuan memperolehi Mata Bonus: -

(a) Pendahuluan tunai, pengeluaran tunai, deposit tunai dan/atau transaksi perjudian atau pertaruhan;

(b) Transaksi runcit terhadap pembelian petrol, diesel dan sebarang pembelian lain yang dibuat di kiosk petrol;

(c) Transaksi runcit yang dipertikaikan oleh Pemegang Kad;

(d) Pembayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj fraud, caj faedah/keuntungan/kewangan/ caj kemudahan untuk Kad Kredit CIMB Islamic, fi pendahuluan tunai, fi pemprosesan, atau sebarang jenis fi dan/atau penalti lain sama ada dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;

(e) Transaksi MyDebit;

(f) Transaksi pelan pembayaran ansuran;

(g) Transaksi Pengebilan Automatik (tidak terpakai kepada Program *"Strategic Card Alliance dan e-Kad Kredit"*);

(h) Pembayaran kepada badan amal di bawah Kod Kategori Pedagang (MCC) ditetapkan 8398 – Perbadanan amal dan

organisasi perkhidmatan sosial (tidak terpakai kepada Kad Kredit CIMB Preferred Visa Infinite-i);

(i) Sebarang pembayaran berkaitan kerajaan di bawah MCC ditetapkan di bawah: -

| | |
|---|---|
| 9211 | Kos mahkamah, termasuk nafkah cerai dan nafkah anak |
| 9222 | Denda |
| 9223 | Ikat jamin dan pembayaran bon |
| 9311 | Pembayaran cukai |
| 9399 | Perkhidmatan Kerajaan |
| 9402 | Perkhidmatan pos – kerajaan sahaja |
| 9405 | Pembelian Antara Kerajaan – Kerajaan sahaja, dan |

(j) Transaksi JomPAY dan/atau FPX.

Nota: Pengecualian daripada memperolehi Mata Bonus berkaitan dengan transaksi di bawah Seksyen 1(B) 5(f) di atas hanya terpakai untuk transaksi kad kredit.

Sebarang penentuan oleh CIMB mengenai apakah yang merupakan transaksi perbelanjaan runcit adalah konklusif, melainkan kesilapan nyata. Transaksi perbelanjaan runcit akan dianggap sebagai transaksi perbelanjaan runcit luar negara jika mata wang transaksi adalah lain daripada Ringgit Malaysia (RM) atau merupakan transaksi DCC.

6. Mata Bonus yang diperolehi terhadap transaksi perbelanjaan runcit dan transaksi perbankan yang dilaksanakan dalam mata wang lain daripada Ringgit Malaysia (RM) atau merupakan transaksi DCC akan dikira berdasarkan RM bersamaan bagi jumlah yang diurus niaga yang akan ditukar pada kadar pertukaran semasa yang ditentukan oleh CIMB. Mata Bonus yang dikumpul akan dicerminkan dalam penyata bulanan.

7. Mata Bonus untuk Pemegang Kad diperolehi dan dikumpul atas dasar pelanggan individu. Untuk mengelakkan keraguan, Mata Bonus yang diperolehi boleh digabungkan antara dua kad debit berbeza yang dipegang oleh Pemegang Kad Debit yang sama. Walau bagaimanapun, Mata Bonus yang diperolehi oleh Pemegang Kad Debit yang berbeza tidak boleh digabungkan meskipun mereka mungkin dikaitkan kepada Akaun Ditetapkan yang sama.

9. Klasifikasi MCC, mod kemasukan POS, petunjuk pembayaran berulang untuk transaksi pengebilan automatik, penerangan peniaga adalah disediakan oleh Bank Pemeroleh peniaga masing-masing. CIMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang klasifikasi atau perubahan yang tidak betul dalam kesemua di atas yang boleh mengakibatkan perbezaan dalam Mata Bonus yang diperoleh dari mana-mana transaksi layak. Pemegang Kad tidak akan membuat sebarang tuntutan bagi pampasan terhadap CIMB untuk perkara ini.

**(C) Kesahan**

Pemprosesan

7. Melainkan digunakan terlebih dahulu, Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul oleh:

(c) Pemegang Kad Kredit akan dilucut hak dan dianggap luput:

- Selepas tiga (3) tahun (iaitu 36 bulan) pada hari terakhir suku tahun berkenaan, iaitu pada 31 Mac, 30 Jun, 30 September atau 31 Disember berikutannya di mana Mata Bonus diperolehi. (Platinum/-i, e-Kad Kredit, Visa SIGNATURE, Preferred Visa INFINITE, Preferred Visa Infinite-i dan World Mastercard). Contohnya, Mata Bonus yang diperolehi dalam Suku Tahun 1 2021 akan luput menjelang 31 Mac 2024, dalam Suku Tahun 2 2021 akan luput menjelang 30 Jun 2024, dalam Suku Tahun 3 2021 akan luput menjelang September 30, 2024 dan dalam Suku Tahun 4 2021 akan luput menjelang 31 Disember 2024 (seperti yang digambarkan di jadual di bawah)

| **Mata Bonus Diperolehi** | **Tarikh Luput Mata Bonus** |
|---|---|
| 1 Jan 2021 sehingga 31 Mac 2021 (Suku Tahun 1) | 31 Mac 2024 |
| 1 Apr 2021 sehingga 30 Jun 2021 (Suku Tahun 2) | 30 Jun 2024 |
| 1 Jul 2021 sehingga 30 Sep 2021 (Suku Tahun 3) | 30 Sep 2024 |
| 1 Okt 2021 sehingga 31 Dis 2021 (Suku Tahun 4) | 31 Dis 2024 |

; atau

- Sekiranya berlaku pembatalan kad kredit, oleh CIMB menurut Terma dan Syarat Pemegang Kad. Pelucutan hak adalah untuk jumlah bilangan Mata Bonus yang **diperolehi** pada kad kredit tersebut dalam 36 bulan yang lepas dari tarikh pembatalan atau jumlah Mata Bonus yang dikumpulkan dan diagregatkan yang baki, yang mana lebih rendah. Contohnya, sekiranya pembatalan kad kredit (secara) berlaku pada bulan April, pelucutan hak Mata Bonus kad kredit yang diperolehi adalah 5,000, tetapi jumlah Mata Bonus sedia ada pada peringkat pelanggan hanya 4,000, oleh yang demikian maksimum 4,000 Mata Bonus akan dilucuthakkan (seperti yang digambarkan di jadual di bawah).

| | **Customer view** | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Illustration** | **Jan** | **Feb** | **Mar** | **Bal** |
| Cust A | | | | |
| Opening bal | - | 4,000 | 5,500 | - |
| earn (card BP) | 2,000 | 1,000 | 2,000 | 5,000 |
| earn (UT - retail BP) | 2,000 | 500 | 500 | 3,000 |
| redeem | | - | (4,000) | (4,000) |
| **Closing bal** | **4,000** | **5,500** | **4,000** | **4,000** |

yang mana lebih awal; dan

(d) Pemegang Kad Debit akan dilucut hak dan dianggap luput:-

- tiga (3) tahun (iaitu 36 bulan) dari hari pertama suku tahun berikut yang mana Mata Bonus diperolehi. Contohnya, Mata

Bonus yang diperolehi antara 1 Januari 2017 dan 31 Mac 2017 akan luput menjelang 31 Mac 2020; atau

- selepas pembatalan kad debit, sama ada dilakukan oleh CIMB atau Pemegang Kad Debit,

yang mana lebih awal.

6. Semua Mata Bonus hendaklah ditebus sebelum mereka luput. Pelbagai Mata Bonus terpakai yang diperolehi, dikumpul dan tarikh luputnya akan ditunjukkan dalam penyata bulanan Pemegang Kad Debit dan Pemegang Kad Kredit atau boleh disemak seperti berikut: -

   - Dilihat dalam talian di www.cimbclicks.com.my; atau
   - Dipastikan dengan Pusat Panggilan Pengguna CIMB dengan menelefon +603-6204 7788.

7. CIMB boleh mengubah tempoh kesahan Mata Bonus dan akan memberikan kepada Pemegang Kad notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar. Jika ia berlaku, Pemegang Kad akan diberikan tempoh tangguh untuk menggunakan atau menebus Mata Bonus. Perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis sedemikian.

8. Semua Mata Bonus yang tidak digunakan akan dilucut hak secara automatik selepas tarikh luput terpakai dan CIMB tidak mempunyai kewajipan untuk mengembalikan semula mata yang telah tamat tempoh.

9. Mata Bonus akan ditunjukkan sebagai baki sifar dalam penyata bulanan Pemegang Kad akibat daripada pelucuthakan Mata Bonus.

**(D) Seksyen 2**

**Katalog Ganjaran Ahli untuk:**

**(e) Pelanggan CIMB Preferred; dan**
**(f) Pelanggan CIMB Prime**

**(A) Kriteria Kelayakan**

Semua Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime yang memperolehi Mata Bonus layak menebus Mata Bonus mereka daripada Katalog Ganjaran Ahli.

**(B) Mata Bonus Yang Diperolehi**

Pemprosesan

5. Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime akan layak untuk memperolehi Mata Bonus berkaitan dengan transaksi dan aktiviti yang ditentukan terlebih dahulu atau terpilih yang dimasuki menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Preferred dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Prime masing-masing. Jika pelanggan adalah kedua-dua Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime pada masa yang sama, beliau hanya akan layak untuk memperolehi Mata Bonus sebagai Pelanggan CIMB Preferred menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Preferred.

2. CIMB boleh, dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB Preferred/ Pelanggan CIMB Prime:

(a) Menentukan, mengubah, meminda, menggantung atau menarik balik senarai barangan, produk dan/atau perkhidmatan penyertaan atau mana-mana bahagian daripadanya; dan/atau

(b) Menentukan, mengubah, meminda atau menggantung bilangan Mata Bonus yang akan dianugerahkan berkaitan dengan mana-mana barangan, produk dan/atau perkhidmatan penyertaan yang diurus niaga, dibeli, diperolehi, digunakan atau didaftarkan oleh Pelanggan CIMB Preferred/ Pelanggan CIMB Prime.

3. Mata Bonus hanya akan dianugerahkan kepada Pelanggan CIMB Preferred/ Pelanggan CIMB Prime yang merupakan pemegang akaun utama/pemohon utama produk penyertaan jika akaun/produk adalah di bawah nama bersama.

4. Mata Bonus hanya akan dianugerahkan kepada Pelanggan CIMB Preferred/ Pelanggan CIMB Prime berkenaan dengan transaksi, pembelian, pemerolehan, penggunaan atau pendaftaran yang dimasukkan selepas permohonan atau pendaftaran berjaya di bawah keahlian CIMB Preferred/ CIMB Prime.

5. Mata Bonus yang diperolehi oleh Pelanggan CIMB Preferred/ Pelanggan CIMB Prime akan dibundarkan ke bawah kepada mata terdekat misalnya bagi transaksi yang layak dianugerahkan Mata Bonus antara 1.0 dan 1.9 Mata Bonus, CIMB akan mengira dan menganugerahkan kepada Pelanggan CIMB Preferred/ Pelanggan CIMB Prime, 1 Mata Bonus.

6. Mata Bonus yang diperolehi akan dianugerahkan setiap bulan atas dasar pelanggan individu dan hanya akan dianugerahkan jika pada tarikh pemberian, Pelanggan CIMB Preferred/ Pelanggan CIMB Prime mematuhi semua Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Preferred dan/atau CIMB Prime.

Kriteria kelayakan utama.

Mata Bonus hanya boleh digunakan jika mereka sebenarnya telah dianugerahkan oleh CIMB.

**(C) Kesahan**

7. Mata Bonus yang diperolehi dalam suku tahunan kalendar tertentu adalah sah sehingga tiga (3) tahun kalendar dan akan luput pada hari pertama suku tahun kalendar berikutnya. Contohnya, Mata Bonus yang diperolehi antara 1 Januari 2017 dan 31 Mac 2017 akan luput menjelang 1 April 2020.

8. Melainkan digunakan sebelum itu, Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul mesti ditebus sebelum tarikh luput. Semua Mata Bonus yang tidak digunakan atau tidak ditebus akan dilucut hak secara automatik selepas tarikh luput terpakai. Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime tidak boleh membawa ke hadapan sebarang mata yang tidak digunakan yang diperolehi dan / atau mata dikumpul apabila Mata Bonus luput. Sebarang permintaan oleh Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime untuk menggunakan mata yang tidak digunakan selepas tarikh luput tidak akan dilayan oleh CIMB dan CIMB tidak akan mengembalikan semula mata yang telah luput atau dilucut hak.

9. Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul akan dilucut hak dan CIMB tidak mempunyai kewajipan untuk mengembalikan mata jika kad debit dibatalkan dan pelanggan tidak lagi menjadi Pelanggan CIMB Preferred atau CIMB Prime (*mengikut mana yang berkenaan*). Mata

Bonus yang diperolehi tidak akan dilucut hak jika Pelanggan kekal sebagai Pemegang Kad Debit, Pelanggan CIMB Preferred atau Pelanggan CIMB Prime.

10. CIMB boleh mengubah tempoh kesahan Mata Bonus CIMB Prime notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar sebarang perubahan sedemikian. Jika ia berlaku, Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime akan diberi tempoh tangguh untuk menggunakan atau menebus Mata Bonus. Perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis sedemikian.

11. Status Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul boleh dilihat dalam talian oleh Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime di www.cimbclicks.com.my atau disahkan dengan menelefon Pusat Panggilan Pengguna CIMB di:
Pusat Panggilan CIMB Preferred @ 1 300 885 300 atau +603-2295 6888

12. Mata Bonus yang diperolehi tidak mempunyai sebarang nilai tunai atau kewangan dan tidak boleh ditukar kepada tunai. Mata Bonus terakru tidak boleh ditukar kepada tunai melainkan dinyatakan secara nyata sebaliknya.

**Seksyen 3**

**Katalog Ganjaran Ahli untuk:**

**Pelanggan CIMB@Work**

**(A) Kriteria Kelayakan**

2. Semua Pelanggan CIMB@Work yang memperolehi Mata Bonus layak menebus Mata Bonus mereka daripada Katalog Ganjaran Ahli.

2. Bagi melayakkan untuk memperolehi Mata Bonus, Pelanggan CIMB@Work mesti mempunyai kad debit yang membolehkan titik jualan (“POS”) sah yang dikeluarkan oleh CIMB dan kelayakan beliau untuk menikmati atau menggunakan ciri, manfaat dan ganjaran CIMB@Work tidak ditamatkan menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB@Work untuk perkerja.

3. Pelanggan CIMB@Work tidak akan layak untuk memperolehi sebarang Mata Bonus jika terdapat:

(a) Sebarang pemberhentian pengkreditan gaji bulanan ke dalam akaun semasa atau/dan akaun simpanan beliau masing-masing yang dikekalkan dengan CIMB; atau

(b) Peletakan jawatan, penamatan atau pemberhentian pekerjaan daripada majikan semasa yang melanggani Pakej Gaji dan Penyelesaian Perbankan CIMB@Work; atau

(g) Majikan semasa Pelanggan CIMB@Work menarik diri daripada Pakej Gaji dan Penyelesaian Perbankan CIMB@Work; atau

(h) Sebarang keadaan lain yang disenaraikan di bawah bahagian ‘Penamatan dan Penggantungan’ di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB@Work untuk pekerja.

**(B) Mata Bonus yang Diperolehi**

1. Pelanggan CIMB@Work akan layak untuk memperolehi Mata Bonus seperti yang berikut:

**(c) Dengan pendaftaran produk baru**

(vii) Mata Bonus akan diperuntukkan berdasarkan jumlah pendaftaran produk baru bulanan seperti yang berikut:

| Jumlah pendaftaran produk baru bulanan | Mata Bonus diperoleh |
|---|---|
| 1 | 1,000 |
| 2 | 3,000 |
| 3 dan ke atas | 5,000 |

(viii) Kategori produk terpakai untuk pendaftaran produk baru bulanan adalah kad kredit, deposit tetap/ deposit bertempoh, Skim Persaraan Peribadi, Pinjaman Peribadi Cash Plus, Akaun Pelaburan e-Emas, Pembiayaan ASB, Unit Amanah, Produk Berstruktur, Bon Runcit, Insurans Hayat /Takaful Keluarga, Pembiayaan Kediaman, dan Sewa Beli/-i yang dikeluarkan atau diedarkan oleh CIMB.

(ix) Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pembaharuan kad kredit(s) dan penempatan deposit tetap/ deposit bertempoh(s), dan/atau pelaburan/pelaburan semula dalam pegangan product terpakai Pelanggan CIMb@Work yang sedia ada tidak akan dianggap sebagai pendaftaran produk baru bulanan dan tiada Mata Bonus akan dianugerahkan.

(x) Mata Bonus untuk pendaftaran produk baru bulanan akan dianugerahkan berdasarkan setiap kategori produk yang didaftarkan untuk bulan kalendar, tanpa mengira bilangan akaun yang didaftarkan untuk kategori produk tersebut.

(xi) Untuk mengelakkan keraguan, Mata Bonus yang diperolehi dari pendaftaran produk baru bulanan akan dikreditkan pada bulan berikutnya setelah pendaftaran produk baru.

(xii) Pelanggan CIMB@Work yang mendaftar untuk Pinjaman Peribadi Cash Plus dan/atau Pembiayaan ASB akan diberikan 5,000 Mata Bonus tambahan selepas pelepasan dana.

**(d) Dengan penggunaan produk:**

(v) 500 Mata Bonus akan diperuntukkan kepada Pelanggan CIMB@Work setelah ‘swipe’ atau transaksi Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) dan ke atas yang pertama pada setiap kad debit baru; dan/atau

(vi) 100 Mata Bonus akan diperuntukkan kepada Pelanggan CIMB@Work untuk perbelanjaan atau transaksi terkumpul berjumlah minimum Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300) yang pertama pada kad debit CIMB; dan/atau

(vii) 100 Mata Bonus akan diperuntukkan kepada setiap pembayaran bil berjadual yang ditetapkan di CIMB Clicks oleh Pelanggan CIMB@Work; dan/atau

(viii) 1,000 Mata Bonus akan diperuntukkan kepada setiap transaksi pengiriman wang yang dilakukan oleh Pelanggan CIMB@Work.

6. CIMB boleh dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB@Work:

(c) Menentukan, mengubah, meminda, menggantung atau menarik balik senarai barangan, produk dan/atau perkhidmatan penyertaan atau mana-mana bahagian daripadanya; dan/atau

(d) Menentukan, mengubah, meminda bilangan Mata Bonus yang akan dianugerahkan berkaitan dengan mana-mana barangan, produk dan/ atau perkhidmatan penyertaan yang didaftarkan digunakan oleh Pelanggan CIMB@Work.

7. Mata Bonus hanya akan dikira dan dianugerahkan kepada Pelanggan CIMB@Work jika Pelanggan CIMB@Work adalah pemegang akaun utama/ pemohon utama produk penyertaan di mana produk adalah di bawah nama bersama.

8. Mata Bonus hanya akan dianugerahkan kepada Pelanggan CIMB@Work berkaitan dengan pendaftaran produk serta penggunaan produk berkuat kuasa dari 1 April 2013. Katalog Ganjaran Ahli tidak terpakai kepada Pelanggan CIMB@Work yang menggunakan atau mendaftar untuk produk baru sebelum 1 April 2013.

**(C) Kesahan**

1. Mata Bonus yang diperolehi dalam suku tahunan kalendar tertentu adalah sah sehingga tiga (3) tahun kalendar dan akan luput pada hari pertama suku tahun kalendar berikutnya. Contohnya, Mata Bonus yang diperolehi antara 1 Januari 2017 dan 31 Mac 2017 akan luput menjelang 1 April 2020.

8. Melainkan digunakan sebelum itu, Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul mesti ditebus sebelum tarikh luput. Semua Mata Bonus yang tidak digunakan atau tidak ditebus akan dilucut hak secara automatik selepas tarikh luput terpakai. Pelanggan CIMB@Work tidak boleh membawa ke hadapan sebarang mata yang tidak digunakan yang diperolehi dan/atau mata dikumpul apabila Mata Bonus luput. Sebarang permohonan oleh Pelanggan CIMB@Work untuk menggunakan mata yang tidak digunakan selepas tarikh luput tidak akan dilayan oleh CIMB dan CIMB tidak akan mengembalikan semula mata yang telah luput atau dilucut hak.

9. Meskipun peruntukan Seksyen 3(C)(1) di atas, Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul akan dilucut hak dan CIMB tidak mempunyai kewajipan untuk mengembalikan semula mata jika kad debit dibatalkan dan Pelanggan CIMB@Work berhenti menjadi Pelanggan CIMB@Work. Mata Bonus yang diperolehi tidak akan dilucut hak jika Pelanggan CIMB@Work masih menjadi sama ada Pemegang Kad Debit atau sebagai Pelanggan CIMB@Work.

10. CIMB merizabkan hak mereka untuk mengubah tempoh kesahan Mata Bonus dan akan memberikan kepada Pelanggan CIMB@Work notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar sebarang perubahan. Jika ia berlaku, Pelanggan CIMB@Work akan diberikan tempoh tangguh untuk menggunakan atau menebus Mata Bonus.

Perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis sedemikian.

11. Status Mata Bonus yang diperolehi dan dikumpul boleh dilihat dalam talian oleh Pelanggan CIMB@Work di www.cimbclicks.com.my atau boleh disahkan dengan menelefon Pusat Panggilan Pengguna CIMB di +603-6204 7788.

12. Mata Bonus yang diperolehi tidak mempunyai sebarang nilai tunai atau kewangan dan tidak boleh ditukar kepada tunai. Mata Bonus terakru tidak boleh ditukar kepada tunai melainkan dinyatakan secara nyata sebaliknya.